



Metode Penyusunan Kamus Istilah Hadis Dan Keistimewaannya

[Methods Of Compiling The Dictionary Of Hadith Terms And Its Attributes]

(Siti Mursyidah Mohd Zin^{1*}, Farhah Zaidar Ramli¹, Phayilah Yama¹)

¹ Selangor International Islamic College, 43000 Bandar Sri Putra, Selangor.

* Corresponding Author: *

Keywords:

Dictionary, Dictionary of Hadith Terms, book, method

ABSTRACT

The use of a dictionary of terms is significant in understanding a discipline of knowledge either in law, or science and technology as well as in the discipline of Islamic studies such as Arabic grammar, science of Hadith, Fiqh and others. Thus, this study aims to highlight the novelty of the Dictionary of Hadith Terms which was authored by Syed Abdul Majid Ghouri and translated into Malay by the Institute for the Study of Hadis and Aqidah (INHAD), KUIS. This study employed document analysis on the Dictionary of Hadith Terms and was descriptively analysed. According to the findings of the study, the Dictionary of Hadith Terms is very simple to use and is beneficial to comprehend hadith terminology as it is translated into simple Malay and matches the meaning of hadith terms. It is an excellent resource for researchers, students, and laypeople seeking the precise meaning of hadith words. This dictionary also includes 14 compilation methods described by the author, as well as four exceptional features discovered throughout the study.

Kata Kunci:

Hadis; Kamus, Kamus Istilah Hadis, kitab, metode

ABSTRAK

Penggunaan kamus istilah amat penting untuk memahami disiplin sesuatu ilmu sama ada di dalam bidang perundangan, sains dan teknologi begitu juga di dalam bidang pengajian ilmu Islam seperti tatabahasa Arab, ilmu Hadis, Fiqh dan sebagainya. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menonjolkan keistimewaan Kamus Istilah Hadis yang telah dikarang oleh Syed Abdul Majid Ghouri dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Institut Kajian Hadis dan Akidah (INHAD), KUIS. Kajian ini berbentuk analisis dokumen ke atas Kamus Istilah Hadis dan dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati Kamus Istilah Hadis ini sangat mudah untuk digunakan, sangat membantu bagi memahami istilah-istilah hadis kerana ia diterjemahkan dengan Bahasa Melayu yang mudah dan menepati makna istilah hadis. Ia sesuai untuk dirujuk oleh para ahli akademik, pelajar dan juga orang awam bagi mendapatkan makna istilah hadis yang tepat. Kamus ini juga mempunyai 14 metode penyusunan seperti yang digariskan oleh pengarang serta empat ciri-ciri istimewa sebagaimana yang ditemui oleh kajian.

1. Pendahuluan

Kamus merupakan sebuah rujukan yang mempunyai pelbagai maklumat seperti senarai masukan atau entri yang akan mempunyai makna, sebutan, ejaan dan disusun mengikut turutan abjad untuk menyenangkan para pengguna. Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy (2018). Kenyataan ini turut dijelaskan oleh Rashidah Ismail (2002) yang semua kamus yang dihasilkan akan mempunyai entri. Entri merupakan salah satu maklumat bahasa yang boleh didapati dalam sesebuah kamus. Entri ialah istilah khusus bagi kata masukan yang akan disusun mengikut abjad masing-masing atau lebih senang difahami sebagai perkataan yang akan dimasukkan ke dalam sesebuah kamus.

Terdapat pelbagai jenis kamus di pasaran seperti Kamus Ekabahasa, Kamus Dwibahasa, Kamus Aneka Bahasa, Kamus Ensiklopedia, Kamus Etimologi, Kamus Sinonim, Kamus Istilah dan lain-lain lagi.

Menurut Ibrahim Haji Ahmad (2010) kamus merupakan himpunan kata sesuatu bahasa dan berupa sebuah buku rujukan yang mengandungi kata-kata daripada sesuatu bahasa yang disusun mengikut abjad, diberi makna dan keterangan lain yang berkenaan dengan kata-kata tersebut.

Menurut Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy (2018) lagi bidang leksikografi yang melibatkan proses penyusunan kamus dalam menghasilkan sesebuah kamus. Tidak dapat dinafikan bahawa proses penyusunan sesebuah kamus bukanlah sesuatu proses yang mudah. Jadi untuk menghasilkan sebuah kamus yang baik, bermutu tinggi dan terkini, maklumat linguistik dan bukan linguistik haruslah dimasukkan. Contohnya, teori leksikografi yang berkaitan dengan sistem leksikal, semantik, leksikologi, morfologi, sintaksis, analisis wacana, pragmatik dan stilistik.

2. Definisi Istilah

Istilah, menurut definisi yang diberikan oleh Pedoman Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (PUIBM, 2004) ialah kata atau frasa yang mengungkapkan konsep yang khusus yang terdapat dalam sesuatu bidang ilmu atau professional.

Selain itu menurut Asrul Azuan Mat Dehan et al. (2015) menjelaskan peristilahan merupakan satu konsep ilmu, konsep makna dan takrifannya tentang kata dan lambang linguistik. Prosedur pembentukan istilah telah memperlihatkan kemunculan istilah baharu, menyimpan dan menyebarkan istilah serta melancarkan komunikasi dalam bidang yang khusus. Contohnya, bidang fizik, kimia, perubatan dan sebagainya. Peristilahan merupakan sebuah ilmu yang transdisiplin dan cakupannya yang luas.

Penggunaan sesebuah "istilah" di dalam bidang tertentu yang membincangkan tentang istilah atau *term* yang berkaitan yang digunakan oleh sesebuah bidang adalah untuk mendapatkan makna atau maksud yang sesuai, tepat dan menepati dengan apa yang ingin disampaikan dalam bidang tersebut. Badan peristilahan antarabangsa, Infoterm (<http://www.infoterm.info>), membezakan ilmu peristilahan dengan perkamusan berdasarkan huraian definisi yang diberikan. Peristilahan melibatkan kajian tentang konsep dan sistem konsep, manakala perkamusan melibatkan pengkajian tentang kata dan makna kata:

'Terminology differs from lexicography, as it involves the study of concepts, conceptual systems and their labels (terms), whereas lexicography studies words and their meanings.'

(<http://www.infoterm.info/>)

Menurut Junaini Kasdan et al. (2020) bagi sesebuah istilah yang baharu, hal yang perlu dipastikan adalah aspek kaedah pembentukannya, sama ada menepati maksud yang ditetapkan atau bercanggah dengan maksud tersebut. Dalam konteks peristilahan, kaedah yang salah boleh menyebabkan berlakunya salah faham dalam kalangan masyarakat terhadap sesuatu perkara. Contohnya, sekiranya istilah tersebut berkaitan dengan arahan, maka istilah yang salah boleh menyebabkan ketidakpatuhan pada arahan.

Kebiasaannya istilah-istilah yang telah dikenal pasti akan dikelompokkan mengikut: (i) penggunaan istilah yang berbeza dengan istilah DBP, (ii) penggunaan istilah yang tidak selaras kerana memiliki lebih daripada satu padanan, dan (iii) penggunaan istilah baharu, untuk dianalisis dari perspektif sosioterminologi.

Sosioterminologi ialah pendekatan yang digunakan dalam kajian terminologi, iaitu kajian yang berkaitan dengan kebiasaan penggunaan sesuatu istilah dalam kalangan masyarakat. Definisi ini dinyatakan dalam dokumen ISO/TR 22134:2007 sebagai:

“approach of terminology work based on the sociological, cultural and sociolinguistic characteristics of a linguistic community, aiming at the study and the development of its technolects in accordance with those characteristics.”

(<https://www.iso.org/obp/ui/#iso:std:iso:tr:22134:ed-1:v1:en>)

Justeru, penggunaan kamus istilah amat penting untuk memahami disiplin sesuatupun ilmu sama ada di dalam bidang perundangan, sains dan teknologi begitu juga di dalam bidang pengajian ilmu Islam seperti tatabahasa Arab, ilmu Hadis, Fiqh dan sebagainya. Kajian perbandingan yang menarik antara leksikografi (kaedah penyusunan kamus) dengan terminografi (kaedah penyusunan kamus istilah) oleh Hasnah Mohamad (2005). Beliau telah menganalisis perbandingan tersebut berdasarkan kerangka C.Georgetta. Gambaran perbandingan tersebut adalah seperti berikut:

Konteks	Leksikografi	Terminografi (Istilah)
Ruang lingkup	Kosa kata umum sesuatu Bahasa	Kosa kata khusus dalam bidang tertentu
Objektif	a. Menghuraikan ilmu tentang kata dalam hasil leksikografi b. Memberi definisi setiap kata yang dilihat dari sudut linguistik dan sinonim	Membatasi konsep dengan penyaringan dan pengelasan istilah ke dalam sesuatu bidang dalam hasil terminografi
Pendekatan	Pendekatan linguistik terhadap unit asas (kata)	Pendekatan konsep terhadap unit asas (kata): istilah menerangkan konsep
Pengguna	Pengguna umum lebih meluas	Pengguna dalam bidang berkaitan bilangannya terhad

Jadual 1: Perbezaan Leksikografi dan Terminografi

Kamus istilah juga merupakan rujukan utama di dalam mempelajari sesuatu ilmu bidang pengkhususan. Kamus istilah dapat memberikan definisi yang tepat dan diiktiraf penggunaannya bagi sesebuah perkataan samada di dalam penulisan atau percakapan. Ini kerana Junaini Kasdan et al. (2020) mendapati bahawa istilah bukanlah suatu perkara yang asing bagi seseorang tetapi tahap pemahaman terhadap istilah adalah berbeza.

Selain itu tidak dapat dinafikan kepentingan penggunaan kamus istilah ini menjadi lebih penting apabila penggunaan perkataan yang sama tetapi ia memberi makna yang berbeza. Perbezaan definisi pada sesebuah perkataan pada pamanahaman biasanya berlaku bagi mereka yang tidak mempunyai pengetahuan terhadap istilah-istilah tertentu, khususnya apabila seseorang yang menggunakan sesuatu istilah dengan bahasa yang menjadi kelazimannya mendefinisikan perkataan tersebut dengan makna bahasa yang biasa digunakannya. Sebagai contoh perkataan "Sahih" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, sahah bermaksud : pasti, benar, sah, dapat diakui (diterima). Namun Kamus Istilah Hadis mendefinisikan perkataan "Sahih" mempunyai erti kata yang sangat berbeza. "Sahih" menurut Kamus Istilah Hadis ialah "Hadis yang bersambung sanadnya yang sempurna dan para perawinya terdiri daripada perawi yang *thiqah* dan *adil*. (Syed Abdul Majid Ghouri, 2012). Begitu juga dengan perkataan *Gharib* menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah aneh, asing, ganjil, luar biasa



namun di dalam Kamus Istilah Hadis, *Gharib* adalah hadis yang diriwayatkan oleh satu-satunya perawi pada mana mana peringkat sanad yang menjadi tempat berlaku ketunggalan periwayatan tersebut (Syed Abdul Majid Ghouri, 2012).

Justeru penggunaan kamus istilah sangat membantu bagi mereka yang belum mahir atau tidak mahir di dalam sesuatu bidang ilmu untuk mendefinisikan dan mendapatkan makna sesebuah istilah dengan tepat. Kini penggunaan kamus istilah lebih meluas apabila telah wujudnya e-kamus yang dapat di akses secara maya. Malah, penggunaan kamus digital lebih diminati berbanding kamus bercetak lantaran ia lebih mudah digunakan, lebih menarik, dilengkapi dengan paparan berwarna dan ia boleh diakses di mana sahaja. Oleh yang demikian Erlinda Masriadi (2012) mencadangkan agar diwujudkan kamus istilah berbentuk aplikasi mobile yang lebih mudah di akses dan dirujuk oleh pengguna dan ini turut disokong oleh Ahmad Arifin dan Slamet Mulyani (2021) kerana hasil kajian mendapati tahap kemampuan pelajar menterjemah sesebuah istilah terutamanya di dalam bahasa Arab kepada bahasa Melayu masih rendah maka kamus *Google Translate* menjadi kamus kegemaran pelajar masa kini.

3. Metodologi Kajian

Artikel ini menggunakan kajian kualitatif iaitu metode dokumentasi terhadap Kamus Istilah Hadis, terbitan Dar Syakir Enterprise dan Institut Kajian Hadis dan Aqidah (INHAD), KUIS dan juga jurnal-jurnal yang berkaitan. Dapatan di analisis secara deskriptif.

4. Kamus *Mustalah al-Hadith*

Kamus istilah hadis yang diperkenalkan oleh para ulama perlu dirakam, dicatat dan dikumpul serta diperbaharui mengikut kesesuaian arus semasa dengan susunan gaya yang ringkas, moden dan penerangan yang ringkas dan mudah difahami.

Penggunaan Kamus istilah hadis dianggap amat penting kerana dia dapat memperluaskan dan memperkayakan khazanah ilmu hadis yang masih belum dijelaskan melalui penulisan akademik, penyelidikan dan juga penterjemahan. Selain itu ia juga terdapat beberapa Kamus Istilah Hadis yang berada di pasaran seperti:

1. *Mu'jam ulum al-Hadis al-Nabawi* yang di karang oleh Dr Abdul Rahman bin Ibrahim al-Khumisi terbitan Dar al-Hazim tahun 2005,
2. *Al-Mu'jam al-Wajiz fi Istilahat Ahl al-Hadith* yang di karang oleh Abu Mazin Aiman Syed Abdul Fatah terbitan Maktabah Dar Ibn Jauzi tahun 2010,
3. *Mu'jam Mustalahat al-Hadith wa Ulum wa Asyhar al-Musannifin* yang di karang oleh Dr Abu Laith al-Khair Abadi terbitan Dar al-Nafais, tahun 2009 dan lain-lain lagi.

5. Biodata Penulis Kamus Istilah Hadis

Syed Abdul Majid Ghouri yang merupakan salah seorang sarjana Hadis masa kini. Beliau telah dilahirkan pada tahun 1978 di Hyderabad di India.

Beliau menuntut ilmu di dalam bidang Ulum al-Syariah di *Dar Ulum al-Syariah*, Haidarabad, selatan India, dan kemudian menyambung pengajian di *Madrasah Dhia al-Ulum* di Utara India. Beliau juga pernah bergadusi dari "*Dar al-Ulum Nadwah Ulama*". Beliau telah mengambil pengkhususan di dalam bidang hadis ketika beliau menuntut di "*Ma'had Fatah Islami*" di Damascus, Syria. Kemudian beliau melanjutkan pengajian ijazah sarjana dalam bidang hadis di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan pangkat *Mumtaz*.

Selain itu, Syed Abdul Majid Ghouri antara lain turut menuntut ilmu dengan ulama-ulama tersohor di India dan Syria. Di antara guru-guru beliau ialah *Sheikh Abu al-Hassan Ali al-Hasani al-Nadwi* (W.1240H), *Sheikh Bilal Abd al-Husni al-Nadwi* dan *Muhammad Abu Laith Shamsuddin Kahir al-Abadi*. Manakala guru-guru beliau yang tersohor di Syria adalah seperti *Sheikh Nur al-Din al-Itar al-Halabi* (W.1442H) dan *Dr. Sheikh Mohammed Ijaz Khatib al-Dimasyqi* (W.1443H).

Kerjaya Syed Abdul Majid Ghouri di dalam bidang hadis bermula apabila beliau mula bekerja sebagai felo penyelidik kanan di Institut Penyelidikan Hadis dan Aqidah (INHAD), Kolej Universiti Islam Antarabangsa


Selangor (KUIS) pada tahun 2010 sehingga tahun 2019. Ketika itu beliau banyak menulis kitab-kitab berkaitan Ulum Hadis dan ilmu berkaitan hadis di dalam bahasa Arab dan sebahagian besar kitab-kitab tersebut telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Selepas tahun 2019, beliau bekerja sebagai pensyarah di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sehingga kini.

Kini Syed Abdul Majid Ghouri telah memberikan sumbangan yang besar di dalam bidang hadis masa kini dengan penghasilan melebihi tiga puluh buah kitab hadis (Rasyid Syalal, 2022). Kitab-kitab yang dikarang adalah menggunakan bahasa Arab yang mudah difahami dan padat. Malahan sebahagian kitab-kitab hadis ini juga telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Diantara karya-karya hadis yang dihasilkan oleh beliau ialah:

1. *Mausu'ah Ulum al-Hadith wa Funuhu* (3 Jilid)
2. *Mu'jam al-Wajiz lil al-faz al-Jarh wa al-Ta'dil*
3. *Mu'jam Alfaz wa Ibaratal-jarh wa al-Ta'dilal-Nadirah wa al-Masyurah*
4. *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadithiah*
5. *Al-Madhkal ila Dirasat al-Sunnah al-Nabawiyyah*
6. *Al-Madhkal ila Dirasat ilm al-Jarh wa al-Ta'dil*
7. *Al-Madhkal ila Dirasat ila Ulum al-Hadith*
8. *Al-Madhkal ila Dirasat ilm Ilal al-Hadith*
9. *Al-Muyassar fi Ilm Ulum al-Hadith*
10. *Al-Muyassar fi ilm al-Jarh wa al-Ta'dil*
11. *Al-Muyassar fi ilm al-Rijal*
12. *Mabahis tamhidiyyah fi ilm al-Jarh wa al-Ta'dil* dan lain-lain lagi.

6. Latarbelakang Kamus Istilah Hadis

Kamus Istilah Hadis merupakan salah satu karya yang dihasilkan oleh Dr Syed Abdul Majid Ghouri. Kamus ini merupakan terjemahan daripada kitab *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadithiyah*.




Rajah 1: *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadithiyah*

Mu'jam al-Mustalahat al-Hadithiyah yang pertama telah dicetak di Beirut, Lubnan di Dar Ibn Kathir pada tahun 2007. Menurut pengarang, kamus ini mendapat sambutan yang baik dalam kalangan penuntut ilmu hadis dan para penyelidik. *Mu'jam* ini telah dikemas kini serta dicetak semula oleh Dar Darul Syakir, Malaysia dengan Kerjasama INHAD, pada tahun 2012 dan diterjemahkan kepada bahasa Melayu pada tahun yang sama.

Menurut pengarang lagi, terdapat sedikit kesukaran di dalam penterjemahan *Kamus Istilah Hadis* ini kerana keperluan penterjemah yang mempunyai kepakaran di dalam bahasa Arab dan sekaligus penterjemah juga perlu mahir di dalam ilmu hadis. Ini kerana, sekiranya seorang penterjemah kurang menguasai istilah-istilah hadis secara khusus dikhuatiri akan berlaku kesilapan di dalam penterjemahan kerana kesemua istilah-istilah ini perlu difahami dengan jelas agar tidak terdapat sebarang kesilapan. Tambahan pula ia melibatkan nas-nas syarak yang menyentuh perbahasan akidah, hukum syariat dan ibadat dalam agama.

Kamus Istilah Hadis mempunyai satu jilid sahaja dan mengandungi sebanyak 631 halaman. Kamus ini telah diterjemah oleh tiga panel penterjemah iaitu Zulhilmi bin Mohd Nor, Ahmad Sanusi bin Azmi dan Muhammad Hazim bin Hussain dan disemak oleh tiga panel penyemak yang mempunyai kepakaran dalam bidang hadis dan berpengalaman luas dalam gerak kerja ilmiah sama ada di dalam bidang pengajaran, penterjemahan dan penerbitan hadis. Kamus ini telah memuatkan istilah hadis yang berdasarkan susunan abjad melebihi 1000 istilah hadis.



Rajah 2: Kamus Istilah Hadis

7. Metode Penulisan Kamus Istilah Hadis.

Pengarang telah menerangkan metode penulisan yang digunakan oleh beliau disepanjang penulisan *Kamus Istilah Hadis* ini. (2012)

1. Pada permulaan Kamus ini pengarang telah menghuraikan secara ringkas definisi berkenaan tiga perkataan yang digunakan sebagai tajuk kitab iaitu kalimah “*Mu’jam al-Mustalahat al-Hadithiyyah*” untuk memberikan gambaran yang jelas kepada pembaca.
2. Pengarang menyusun kamus ini menggunakan susunan huruf abjad sebagai entri perkataan. Penyusunan kamus ini tidak meletakkan perkataan berdasarkan kata dasar kerana bertujuan memudahkan para pembaca untuk mencari istilah dengan carian yang mudah.
3. Pada permulaan definisi istilah, pengarang memberikan terjemahan istilah ilmu hadis menurut bahasa sebelum memberikan definisi menurut istilah hadis. Bagi tujuan definisi dari sudut bahasa, pengarang menggunakan kamus-kamus yang masyhur dalam ilmu bahasa seperti: *Lisan al-Arab* karangan Ibnu Manzur, *al-Kamus al-Muhit* karangan al-Fairuz Abadi, *Taj Al-Urus* karangan *al-Murtadha al-Zabidi*, dan *al-Mu’jam Al-Arab al-Asasi*. Semua kamus ini tidak akan disebut sebagai rujukan bagi tujuan meringkaskan penulisan kamus ini.

4. Bagi definisi istilah-istilah hadis pula, pengarang menggunakan semua jenis rujukan kitab hadis yang muhtabar karya ulama-ulama terdahulu dan kontemporari. Pengarang berusaha menyandarkan setiap definisi kepada ulama yang mengemukakannya. Sekiranya definisi itu masyhur, maka pengarang tidak akan mengemukakan rujukannya. Selain itu, rujukan bagi definisi yang diolah sendiri oleh penyusun juga tidak akan dinyatakan.
5. Rujukan selain daripada kamus-kamus di atas akan dinyatakan sebagai definisi istilah.
6. Penyusun akan menggunakan sebutan sesuatu istilah dalam kata *mufrad* (tunggal) dan bukan *jamak* selagi mana istilah *jamak* itu bukanlah yang *masyhur*.
7. Pengarang akan memberikan huraian definisi bagi sesuatu istilah itu dengan huraian yang mudah difahami di samping memberikan contoh-contoh bagi tujuan memberikan kefahaman yang jelas.
8. Pengarang hanya memberikan definisi dan huraian bagi istilah-istilah ilmu *al-Jarh wa al-Ta' dil* yang masyhur tanpa menghuraikan istilah-istilah tersebut yang tidak masyhur, kerana:
 - i) Istilah-istilah tersebut tidak menjadi keperluan utama bagi penuntut yang bukan dalam pengkhususan ilmu *al-Jarh wa al-Ta' dil*
 - ii) Pengarang telah mengarang sebuah kitab yang khas berkenaan istilah-istilah yang tidak masyhur dalam ilmu *al-Jarh wa al-Ta' dil* menerusi kitab yang bertajuk "*Mu' jam Alfaz wa Tbarat Al-Jarh wa al-Ta' dil al-Nadirah wa al-Masyhur*".
9. Pengarang menghuraikan pelbagai definisi dan jenis-jenis kitab yang berkaitan dengan hadis seperti: *al-Jawami'*, *al-Sunan*, *al-Sihah*, *al-Ma' ajim*, *al-Muwath al-Masanid*, *al-Mustadrakat*, *al-Mustakhrajat*, *al-Zawaid*, *al-Athraf*, *al-Awa' Thuna'iyat*, *al-Thulathiyyat*, dan pelbagai jenis kitab-kitab hadis yang lain.
10. Pengarang menghuraikan definisi beberapa golongan yang sesat daripada ajaran Islam yang mempunyai pertalian dengan perbincangan ilmu hadis seperti *al-Ibadiyyah*, *al-Jahmiyah*, *al-Haruriyyah*, *al-Khawarij*, *al-Qadariyah* dan sebagainya. Definisi bagi kesemua kumpulan ini amat penting kerana sebahagian daripada mereka terlibat dalam periwayatan hadis.
11. Pengarang menyebut beberapa symbol masyhur yang digunakan dalam kitab *al-Tarajum*. Penulisan symbol tersebut bertujuan meringkaskan nama pengarang bagi sesuatu kitab hadis atau kitab Takhrij al-Hadith. Sebagai contoh symbol huruf "ت" merujuk kepada Imam al-Tirmidhi, pengarang *Kitab Jami'*.
12. Pengarang menyebut istilah yang khusus bagi seseorang ulama tertentu serta menghuraikannya. Sebagai contoh istilah "الأمر عندنا" hanya digunakan oleh Imam Malik sahaja, begitu juga dengan istilah "وقال بعض الناس" hanya digunakan oleh Imam al-Bukhari. Istilah "صالح" hanya digunakan oleh Abu Dawud, istilah "وقال اهل الكوفة" dan "وقال اصحابنا" hanya digunakan oleh Imam al-Tirmidhi dan lain-lain lagi.
13. Pada akhir kitab ini, pengarang menyebutkan senarai rujukan dan sandaran yang digunakan sepanjang penyusunan kamus ini. Senarai rujukan tersebut disusun mengikut susunan nama-nama tajuk kitab. Pengarang menggunakan simbol tertentu bagi tujuan ringkasan seperti simbol huruf "ت" bermaksud *tahqiq* (penelitian), simbol huruf "ط" bermaksud cetakan dan simbol huruf "ع" bermaksud tahun.
14. Pengarang melampirkan kamus ini dengan daftar kata atau indeks merangkumi keseluruhan istilah-istilah hadis yang disusun berdasarkan kata akar bagi setiap perkataan bertujuan memudahkan pencarian definisi bagi istilah-istilah hadis dalam kamus ini.


Di akhir pengenalan kitab pengarang mengharapkan agar Kamus Istilah Hadis ini dapat memberi sumbangan yang berguna buat para penuntut ilmu hadis. Mudah-mudahan penyusunan kamus ini akan dapat membangkitkan semangat serta kesungguhan para pencinta ilmu hadis dalam usaha menerokai ilmu yang mulia ini.

8. Keistimewaan Kamus Istilah Hadis

Kamus Istilah Hadis ini dimulai dengan dua perbahasan iaitu menjelaskan kalimah “*Mu’jam al-Mustalahat al-Hadithiyah*” untuk memberikan gambaran yang jelas kepada pembaca seperti mana yang telah diterangkan oleh pengarang di dalam metode penulisan *Kamus Istilah Hadis* dan yang kedua mengenai Sejarah ilmu *Mustalah al-Hadith* dan perkembangannya. Pengarang Kamus telah menjelaskan maksud dari aspek perkataan dan juga makna secara menyeluruh dengan bahasa ayat yang jelas dan ringkas.

Selain itu, penyusunan yang menggunkan huruf abjad memesrakan penggunaan *Kamus Istilah Hadis* ini. Ia di mulai dengan huruf “*Alif*” iaitu dengan perkataan “*al-Aba an al-Abna*’”. Selain mendefinisikan makna istilah hadis tersebut, pengarang turut mendatangkan contoh agar makna istilah hadis lebih difahami.

Pada sesetengah istilah juga selain dinyatakan definisi dari sudut bahasa dan istilah, pengarang turut memuatkan karya-karya kitab yang masyhur bagi istilah hadis tertentu. Contohnya seperti pada istilah Hadis Qudsi, Hadis Hasan dan lain-lain lagi. Kadang kala, pengarang selain menjelaskan mengenai definisi sesebuah istilah hadis, perbezaan diantara istilah juga turut diterangkan agar ia lebih difahami. Seperti perbezaan kalimah *al-Sahih* dan *al-Hasan*.



Rajah 3: Definisi Hadis Qudsi beserta karya-karya yang masyhur

Selain itu, lampiran daftar isi yang dimuatkan diakhir *Kamus Istilah Hadis* ini sangat memudahkan dan mempercepatkan pencarian sesebuah istilah hadis. Pengguna atau pembaca dapat melalui jalan pintas dalam pencarian sesebuah istilah hadis.

9. Kesimpulan

Dapat disimpulkan bahawa Kamus Istilah Hadis ini sangat mudah untuk digunakan, sangat membantu para pembaca bagi memahami istilah-istilah hadis kerana ia telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu yang mudah dan menepati makna istilah hadis. Ia juga sesuai untuk dirujuk oleh para ahli akademik, pelajar dan juga orang awam bagi mendapatkan makna istilah hadis yang tepat. Kamus ini juga mempunyai 14 metode penyusunan seperti yang digariskan oleh pengarang serta empat ciri-ciri istimewa sebagaimana yang ditemui dalam kajian ini. Pengkaji turut mencadangkan agar Kamus Istilah Hadis ini dilakukan inovasi terkini dengan



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.journal.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 13, No. 25 (JUNE 2023)

menjadikan ia Kamus Istilah Hadis Digital sesuai dengan perkembangan teknologi masa kini, malah penggunaannya akan lebih cepat dan efisien malah Kamus Istilah ini juga perlu sentiasa dikemaskini oleh penggubal dan pengkaji istilah agar maksud sesebuah istilah itu kekal relevan dan terkini mengikut zaman.

Rujukan

- Ahmad Arifin dan Slamet Mulyani.(2021)*Persepsi Mahasiswa Terhadap Penggunaan Kamus Digital Bahasa Arab di Era Society 5.0*. Vol 23. No 2. An-Nabighoh: Jurnal Pendidikan Pembelajaran Bahasa Arab. Institut Agama Islam Negeri Metro.
- Ahmad Hasbullah, Abd Rauf & Che' Radiah. (2005) *Penggunaan Kamus dalam Proses Pembelajaran Bahasa Arab di Kalangan individu Sekolah Menengah Tinggi Agama*.
- Asrul Azuan Mat Dehan, Hajah Nor Azuwan Yaakob dan Jama'iah Zakaria.(2015) *Gerak Kerja '5P' Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*. International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL). Universiti Malaysia Pahang.
- Erlinda Masriadi. (2016) *Perancangan Aplikasi Mobile Kamus Istilah Komputer Untuk Mahasiswa Baru Bidang Ilmu Komputer Berbasis Android*. Jurnal Teknologi dan Open Source.
- Hasnah Mohamad. (2005) *Terminografi dan Leksikografi*. Dewan Bahasa, Jun. Jilid 5: 6, hlm. 36-40
- Ibrahim Haji Ahmad. (2010) *Perkamusan Dan Ensiklopedia: Perbandingan Ciri*. Jurnal Pengajian Melayu - Jilid 21. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM).
- Junaini Kasdan, Rusmadi Baharudin dan Anis Shahira Shamsuri.(2020) *Covid-19 dalam Korpus Peristilahan Bahasa Melayu: Analisis Sosioterminologi*. GEMA Online Journal of Language Studies Volume 20(3), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Rashidah Ismail. (2002) *Penyusunan Entri dalam Kamus Dewan: Satu Penelitian Leksikografi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy.2018. *Maklumat Bahasa dalam Kamus Dewan Edisi Keempat. Bab dalam buku: Dialog Kajian Melayu Kontemporar*. Edisi:1. Penerbit: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- Syed Abdul Majid Ghouri. 2012. *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadithiah*. Institut Kajian Hadis dan Aqidah (INHAD), Kolej Universiti Islam Antrabangsa Selangor (KUIS).
- Syed Abdul Majid Ghouri. 2012. *Kamus Istilah Hadis*. Institut Kajian Hadis dan Aqidah (INHAD), Kolej Universiti Islam Antrabangsa Selangor (KUIS).